



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MASJID SANTUNI MASYARAKAT

Kuala Lumpur, 7 April – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyampaikan sumbangan Imarah Ramadan kepada tujuh buah masjid, tujuh buah surau dan tiga buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Parlimen Titiwangsa.

Masjid merupakan institusi yang penting dalam pembangunan masyarakat termasuklah sebagai agen bagi membantu masyarakat. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menggerakkan Program Masjid Santuni Masyarakat yang menjadikan masjid sebagai pusat transit mangsa keganasan rumah tangga (KRT). Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran TTDI telah dipilih sebagai masjid projek rintis.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, dalam ucapannya berkata, “Dalam projek ini, masjid akan menerima dan memberi perlindungan kepada mangsa KRT dengan menyediakan bilik asrama (sedia ada di masjid), keperluan asas diri dan makan minum sepanjang berlindung di masjid. Saya berharap projek rintis ini akan berjaya dan boleh disebarluaskan ke seluruh negara supaya nasib wanita-wanita yang teraniaya ini dapat dibela dan dilindungi”.

Selain prihatin kepada masalah keganasan rumah tangga, Kementerian turut cakna kepada isu-isu keselamatan wanita. Melalui JPW, pasukan Skuad WAJA (Wanita Anti Jenayah) telah diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu keganasan terhadap wanita. Bermula Januari sehingga Mac 2021, sebanyak 4 program latihan melibatkan seramai 95 sukarelawan Skuad WAJA telah mendaftar dan menerima latihan yang dikendalikan oleh JPW secara *online* dan fizikal.

Pada majlis yang sama, di bawah inisiatif Malaysia Prihatin, YB Datuk Seri Rina turut menyeru kariah masjid, surau dan NGO untuk mengajak lebih ramai rakyat Malaysia khususnya di Kawasan Parlimen Titiwangsa mendaftar sebagai penerima vaksin melalui dalam aplikasi MySejahtera dan kaedah pendaftaran lain yang telah disediakan seperti hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan. Program Malaysia Prihatin adalah satu wadah Kerajaan bagi menerangkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha untuk memutuskan rantai sekaligus membasmi wabak COVID-19. Inisiatif ini juga bertujuan untuk memulihkan kembali sosio-ekonomi negara ke arah kehidupan rakyat yang lebih baik dan sejahtera.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah YBrs. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian, YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian, YBrs. En. Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian dan YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah JPW.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884